



Headline: Tiga diperdaya sindiket Macau Scam
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 9 November 2018

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 33

Tiga diperdaya sindiket Macau Scam

KEPALA BATAS - Tiga individu masing-masing merupakan pensyarah, kerani serta penganggur mengalami kerugian RM24,000 akibat terpedaya sindiket Macau Scam di sini.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata kes pertama melibatkan seorang pensyarah yang kerugian RM3,880.

Mangsa telah melihat satu iklan pinjaman wang melalui aplikasi Wechat dan berminat membuat pinjaman RM10,000.

"Bagaimanapun mangsa perlu membuat pembayaran sejumlah wang sebagai wang jaminan dan insurans.

"Mangsa diminta mendepositkan wang RM1,200 untuk kali pertama dan RM1,430 kali kedua dan RM1,250 ke dalam satu akaun bank," katanya.

Mangsa kemudian dimaklumkan pinjaman telah lulus namun diarahkan melakukan pembayaran lagi sebagai komisen.

"Mangsa menyedari ditiptu kemudiannya membuat laporan polis," katanya.

Bagi kes kedua, seorang penganggur rugi RM5,000



NOORZAINY

selepas terpedaya dengan sindiket pelaburan tidak wujud.

Mangsa menerima satu pesanan WhatsApp yang menawarkan mangsa melabur dalam skim berkenaan.

"Mangsa ditawarkan sebanyak RM120 setiap syer dan telah membuat 15 kali transaksi wang dari tiga akaun banknya ke dalam satu akaun bank milik syarikat SZSE Trading.

"Mangsa ada menerima keuntungan hasil pelaburan pertama sebanyak RM3,000 namun apabila melabur kali kedua, mangsa tidak menerima keuntungan seperti dijanjikan," katanya.

Curiga dengan perkara itu, mangsa menghubungi

syarikat terbabit tetapi gagal dan membuat laporan polis selepas menyedari ditiptu.

Bagi kes ketiga, seorang kerani rugi RM15,000 selepas menerima panggilan seorang lelaki memperkenalkan dirinya sebagai Inspektor Sham-sul.

"Individu terbabit memaklumkan mangsa terlibat dengan pengubahan wang haram.

"Bagaimanapun mangsa menafikan, sebelum talian disambungkan kepada seorang lelaki kononnya seorang polis Bukit Aman," katanya.

Mangsa diugut mengupnyai dua pilihan sama ada akan ditahan reman atau membuat pembayaran bagi menyelesaikan masalah tersebut.

"Panik dengan situasi itu, mangsa memindahkan kesemua wang dalam akaun simpanannya ke dalam akaun yang diberikan," katanya.

Jelasnya, mangsa kemudiannya melakukan dua lagi transaksi pada hari sama.

"Menyedari dirinya tertipu, mangsa kemudiannya membuat laporan polis.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.